ADAB-ADAB PENUNTUT ILMU

PENGAGUNGAN ILMU

USTAZ
MUHAMMAD FASHAN AHMAD ZIADI

35-1, JALAN RAMPAI NIAGA 5,
RAMPAI BUSINESS PARK

KUALA LUMPUR,
MALAYSIA



SUN NAH SCENE

خلاصة تعظيم العلم

KESIMPULAN PENGAGUNGAN ILMU

KARYA

Al-Sheikh Saalih B. Abdullah B. Hamad Al-Usaymi

(Bekas Ahli Dewan Ulama Senior Saudi & Guru di Masjid al-Nabawi & Masjid al-Haram)

DISEDIAKAN OLEH

Sunnahscene & Nikmat Ilmu

MUKADIMAH PERTAMA

Segala puji hanya milik Allah, zat yang diagungkan dengan Tauhid. Semoga Allah sentiasa mencurahkan selawat dan salam atas hambaNya dan utusanNya Muhammad -Sallallah alaih wasallam- yang terkhusus dengan kemuliaan yang berlimpah-ruah, dan juga kepada keluarganya dan para sahabatnya, mereka yang memiliki keutamaan dan pemikiran yang lurus.

Amma ba'du:

Ini merupakan ringkasan dari kitabku yang bertajuk 'Ta'zim al-Ilm'. Diringkas dan dikumpulkan untuk tujuan hafalan. Maka, telah dipilih intipatinya untuk manfaat yang baru sahaja disebut (yakni untuk dihafal). Dan disertakan pula contoh-contoh yang memudahkan pemahaman dan maksud setiap bab. Supaya perkara tersebut menjadi jelas kepada para penuntut ilmu, sejelasnya matahari di siang hari, dan ia menjadi bekal untuk beramal dan mengambil pelajaran darinya.

Maka, aku bermohon kepada Allah, untuk diriku dan mereka, agar sentiasa berpegang teguh pada ikatan-ikatan pengagungan ilmu, kemenangan dan keutamaan yang besar disisi-Nya

MUKADIMAH KEDUA

Segala puji hanya milik Allah, dan aku bersaksi bahawa tiada Ilah yang berhak diibadahi melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba serta utusan-Nya. Semoga Allah sentiasa mencurahkan selawat dan salam kepada baginda, keluarga baginda dan para sahabat baginda, serta kepada mereka yang sentiasa belajar dan mengajarkan ilmu.

Amma ba'du:

Sesungguhnya, cakupan ilmu yang ditimba seseorang itu bergantung kepada kadar pengagungan dan pemuliaan (ilmu) di dalam jantung hatinya. Maka barangsiapa yang memenuhi ruang hatinya dengan pengagungan terhadap ilmu serta memuliakannya, maka sesuailah ia menjadi tempat bagi ilmu tersebut.

Tidak ubah seperti bagaimana apabila berkurangnya pengagungan ilmu di dalam jantung hati seseorang itu, maka berkuranglah kadar ilmu yang dicapai oleh seseorang hamba itu, sehingga jantung hatinya menjadi suatu tempat yang kosong tanpa secebis pun ilmu didalamnya.

Maka barangsiapa yang mengagungkan ilmu, cahaya ilmu tersebut akan terpancar bersinar kearahnya, dan pelbagai jenis ilmu akan datang kepadanya, dan hilanglah segala tujuan melainkan hanya untuk mencari ilmu, dan hilanglah segala kepuasan bagi sanubarinya melainkan hanya untuk ilmu.

Ini seperti apa yang diisyaratkan oleh al-Hafiz Abu Muhammad al-Darimi -semoga Allah merahmati beliau- tatkala beliau merumuskan Kitab al-'Ilm di dalam Sunan-nya yang berjudul *Al-Musnad al-Jami'* pada bab mengagungkan ilmu.

Perkara yang paling ampuh dalam membantu seseorang itu mengagungkan ilmu adalah; dia mengetahui bagaimana ilmu itu diagungkan. Ada pelbagai sumber yang tuntas dalam menerapkan pengagungan ilmu di dalam jantung hati seseorang itu.

Barangsiapa yang cakna akan cara ilmu itu diagungkan, maka dia pasti akan mengagungkan dan memuliakan ilmu, dan barangsiapa yang cuai mengenai perkara ini, dia telah melemparkan dirinya ke lembah kehancuran dan telah tunduk akur kepada hawa nafsunya. Maka janganlah dia menuding jari untuk menyalahkan sesiapa apabila dia telah kehilangan kekuatan dalam menuntut ilmu, kecuali pada dirinya sendiri.

"Engkau yang mengikatnya menggunakan tangan, dan engkau yang menghembusnya menggunakan mulut"

Barangsiapa yang tidak memuliakan ilmu, maka ilmu tidak akan memuliakannya.

IKATAN PERTAMA:
MENYUCIKAN WADAH ILMU

Dan ia adalah hati (tempat tinggalnya ilmu). Bergantung kepada kadar sucinya hati kita, begitulah jumlah ilmu yang sesuai masuk kedalamnya. Oleh itu, semakin suci sesebuah hati itu, semakin bertambahlah keupayaannya dalam menerima dan menampung ilmu.

Barangsiapa yang berhajat untuk menimba ilmu, hendaklah dia menghiasi sanubarinya dan menyucikan hatinya dari sebarang kotoran. **Sungguh, ilmu itu bak permata yang bersinar, yang hanya layak baginya hati yang suci murni.**

Penyucian hati kembali kepada dua perkara yang asas:

1. Menyucikan hati dari najis syubhat
2. Menyucikan hati dari najis syahwat

Oleh itu, jika engkau malu apabila orang melihat engkau dengan pakaian yang kotor, lebih layak lagi untuk engkau merasa malu apabila Allah melihat hati engkau apabila ia dipenuhi dengan dendam, kegusaran, dosa dan maksiat.

Dalam Sahih Muslim, dari Abu Hurairah -semoga Allah meredainya- bahawa Nabi -sallallahu alayh wa sallam- bersabda:
*"**Allah tidak melihat pada badan dan harta kalian, tetapi Dia melihat pada hati dan amalan kalian**"*

Barangsiapa yang mensucikan hatinya, maka ilmu itu layak untuk menetap dihatinya. Barangsiapa yang tidak mensucikan hati dari kotorannya dan malah membiarkannya, maka ilmu itu tidak akan menetap disitu.

Sahl Bin Abdillah -semoga Allah merahmatinya- berkata:
"Haram bagi cahaya (ilmu) memasuki satu hati yang padanya terdapat perkara-perkara yang dibenci Allah"

IKATAN KEDUA:
MENGIKHLASKAN NIAT DALAM MENUNTUT ILMU

Sesungguhnya keikhlasan dalam beramal adalah kunci kepada penerimaan (amalan tersebut) dan merupakan jalan untuk sampai kepadanya.

Allah berfirman mafhumnya;
"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid" (al-Bayyinah:5)

Di dalam dua kitab Sahih (Bukhari dan Muslim), dari 'Umar (Semoga Allah meredainya), beliau berkata bahawa Nabi -sallallahu alayh wa sallam- bersabda:
"***Amalan-amalan itu bergantung pada niatnya dan setiap orang akan menerima apa yang diniatkannya***"

Dan tidak ada seorang pun dari Salaf al-Soleh yang lebih dari satu yang lain yang mencapai martabat yang tinggi melainkan dengan mengikhlaskan diri kepada Allah, Rabb semesta alam.

Berkata Abu Bakar al-Marrudzi -semoga Allah merahmatinya:
"Aku terdengar seorang lelaki berkata kepada Abu Abdillah (Imam Ahmad Ibn Hanbal), tentang kejujuran dan keikhlasan."

Maka Abu Abdillah menjawab;
"Kerana itulah (kejujuran dan keikhlasan), martabat sesuatu kaum itu terangkat"

Maka, seseorang itu hanya dapat meraih ilmu bersesuaian dengan tahap keikhlasannya.

Ikhlas dalam menuntut ilmu terbina diatas 4 akar umbi, yang melaluinya, niat menuntut ilmu dicapai bagi sesiapa yang menginginkannya.

1. Mengangkat kejahilan dari dirinya sendiri dengan mengetahui apa yang wajib keatasnya dalam ibadah dan mengetahui apa yang diperintah keatasnya serta apa yang dilarang baginya.
2. Mengangkat kejahilan dari manusia dengan mengajar dan membimbing mereka kepada apa yang membawa kesejahteraan bagi hidup mereka di dunia dan di akhirat.
3. Menghidupkan ilmu dan menjaganya dari terpupus.
4. Beramal bersesuaian dengan ilmu yang ada padanya

Para Salaf -semoga Allah merahmati mereka- itu dahulunya khuatir hilangnya keikhlasan dalam menuntut ilmu. Sehingga mereka akan menahan diri untuk mendakwa bahawa mereka sudah mencapai keikhlasan, bukan kerana keikhlasan itu tidak ada pada diri mereka.

Imam Ahmad pernah ditanya;
"Adakah engkau menuntut ilmu kerana Allah?"

Imam Ahmad pun menjawab;
"(Menuntut ilmu ikhlas) kerana Allah adalah perkara yang amat sukar. Akan tetapi ilmu itu telah ditakdirkan menjadi kecintaanku, lalu aku pun menuntutnya"

Barangsiapa yang mengabaikan keikhlasan, maka dia telah ketinggalan dalam mendapatkan ilmu yang banyak, dan kerugian dalam mendapatkan kebaikan yang bertimbun.

Selayaknya bagi setiap orang yang menginginkan keselamatan untu terus memeriksa dan memperbaiki urusan asas ini, iaitu keikhlasan. Dalam semua perkaranya, baik besar mahupun kecil,

baik yang terlihat mahupun yang tersembunyi. Terus konsisten memeriksa dari keikhlasan, hal ini menunjukkan betapa sukarnya meluruskan niat.

Sufian al-Sauri -semoga Allah merahmatinya- berkata;
“Aku tidak merawat sesuatu yang lebih sukar pada diriku selain daripada meluruskan niatku, kerana ia sering berubah-ubah”

Sulaiman al-Hasyimi -semoga Allah merahmatinya- berkata;
“Kerap kali aku mula untuk meriwayatkan sebuah hadis dan aku telah menetapkan niatku, tetapi apabila sampai pada satu titik yang lain, niatku berubah. Oleh yang demikian satu hadis itu memerlukan pengikhlasan niat yang banyak”

IKATAN KETIGA:
MENGHIMPUNKAN KEAZAMAN YANG TINGGI DALAM MENUNTUT ILMU

Terkumpulnya keazaman dalam mencapai suatu tujuan itu boleh tercapai dengan merealisasikan tiga perkara;

1. Bersungguh-sungguh atas apa yang bermanfaat buat dirinya. Apabila seseorang itu dibimbing ke arah perkara yang bermanfaat, sepatutnya dia dia akan bersemangat akan hal tersebut.
2. Memohon pertolongan Allah dalam mencapainya.
3. Tidak menunda-nunda dan lemah dalam mencapai matlamatnya.

Tiga cara ini telah terkumpul di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, dari Abu Hurairah -semoga Allah meredai beliau-, bahawasanya Nabi -sallallahu alayh wa sallam- bersabda;
"*Bersungguh-sungguhlah atas apa yang bermanfaat bagimu dan mintalah pertolongan dari Allah serta janganlah sekali-kali engkau merasa lemah*"

Al-Junaid -semoga Allah merahmati beliau-berkata;
"*Tidak ada seorang pun yang mencari sesuatu dengan kesungguhan dan kejujuran melainkan dia akan mendapatkan apa yang dicari. Jika dia tidak mendapatkan semuanya, paling kurang dia akan mendapat sebahagian darinya.*"

Berkata Ibn al-Qayyim dalam kitabnya al-Fawaid;
"*Apabila bersinar bintang kesungguhan dan terpancar sinar rembulan keazaman di gelap malam yang tiada nilai, cerah lah dataran hati dek sinaran cahaya Tuhannya*"

Di antara perkara yang mengangkat keazaman dan memberi kemuliaan pada diri adalah dengan merenung kepada keadaan mereka yang datang dahulu daripada kita, dan mengetahui kisah-kisah betapa kuatnya keazaman mereka.

Ketika Abu Abdillah Ahmad bin Hanbal masih kecil, beliau kerap kali ingin pergi ke kuliah-kuliah Shuyukh sebelum waktu Subuh, sehingga ibunya sendiri akan menahan beliau dan memegang pakaian beliau seraya berkata, "*(Tunggulah) sehingga azan dikumandangkan atau sudah masuk waktu subuh.*"

Al-Khatib al-Baghdadi -semoga Allah merahmatinya- mengkhatamkan Sahih al-Bukhari bersama Ismail al-Hiriyyi dalam tiga majlis. Dua dari majlis tersebut berlangsung dari waktu Maghrib hingga ke Subuh manakala majlis ketiga bermula dari matahari terbit sehingga ke Maghrib dan menyambungnya semula sehingga ke Subuh.

Abu Muhammad Ibn al-Tabban pada permulaan perjalanan beliau menuntut ilmu, waktu malamnya dihabiskan untuk belajar sehinggakan ibunya akan memberhentikan beliau dari membaca di tengah malam kerana merasa kasihan akan keadaan anaknya. Maka ibn al-Tabban akan mengambil lampu pelitanya dan menyembunyikannya di bawah bekas dan berlakon seolah-olah beliau telah tidur. Sebaik sahaja ibunya terlelap, dia akan mengeluarkan semula pelitanya dan sambung belajar.

Oleh itu, jadilah seorang manusia yang kakinya terpasak dibumi tetapi keazamannya meninggi mencapai bintang. Janganlah engkau muda hanya pada tubuh badanmu dan tua pada keazaman mu kerana sesungguhnya keazaman seseorang yang benar tidak akan menjadi tua.

Abu al-Wafa bin 'Aqil, diantara ulama mazhab Hanbali yang cerdas pernah bersenandung ketika umur beliau sekitar 80'an:

“*Keazamanku, semangatku dan adabku tidaklah beruban dan semakin tua,*
Tidak juga kesetiaanku, agamaku dan kemurahan hatiku.
Hanya rambutku yang bertukar warna,
Dan putih warna rambutku bukanlah bermakna putih keazamanku.”

IKATAN KEEMPAT:
MENGHABISKAN TENAGA DALAM MENUNTUT ILMU QURAN & SUNNAH

Semestinya setiap ilmu yang bermanfaat datang dari kalam Allah dan kalam Rasulullah -sallallahu ‘alayhi wa sallam- dan saki-baki ilmu adalah apa yang berkhidmat padanya (al-Qur’an & al-Sunnah), dan apa sahaja yang berkhidmat padanya, layak untuk diambil dan dituntut.

Apa yang bukan dari al-Qur’an & al-Sunnah, maka jahil tentangnya tidak mendatangkan kemudaratan.

Betapa indah kenyataan Iyad al-Yahsubi dalam kitabnya al-Ilma’;
“*Ilmu hanya ditemui pada dua sumber,*
Tiada yang melebihi darinya melainkan yang tersesat dari cahayanya.
Ilmu Quran dan ilmu riwayat,
yang diambil dari Tabi’in dan Sahabat”

Inilah ilmu para Salaf -semoga rahmat Allah tercurah ke atas mereka. Kemudian selepas (generasi) mereka berkembanglah pembicaraan yang tidak bermanfaat. Oleh yang demikianlah ilmu itu banyak dijumpai pada para Salaf, dan pembicaraan itu banyak ditemui pada mereka yang datang selepas Salaf.

Hammad Bin Zaid berkata;
“*Aku bertanya kepada Ayyub al-Sikhtiyani; Adakah ilmu itu lebih banyak sekarang atau pada zaman lampau?*”

Ayyub pun menjawab;
“*Pembicaraan lebih banyak pada hari ini manakala ilmu lebih banyak di zaman lampau.*”

IKATAN KELIMA:
MENELUSURI JALAN YANG MENUJU PADANYA (ILMU)

Setiap perkara yang dicari pasti ada jalan yang membawa ke arahnya. Barangsiapa yang menelusuri jalan menuju kepada apa yang dicari pasti akan menemuinya dan barangsiapa yang menyimpang dari jalan itu, pasti akan tersesat. Sesungguhnya, ilmu itu ada jalannya dimana jika seseorang itu tidak menelusurinya pasti akan terlepas ilmunya dan tidak mencapai matlamatnya. Atau, dia berpenat lelah mencarinya namun hasilnya sangat sedikit.

Jalan ini telah disebut dengan lengkap oleh Muhammad Murtada Bin Muhammad al-Zabidi, penulis 'Taj al-Arus' dalam sebuah puisi yang diberi nama Alfiyat al-Sanad, beliau berkata;

"*Tiada siapa yang bakal mencapai puncak (ilmu) walau seribu tahun,*
Jadi ambillah yang terbaik dari setiap cabang ilmu,
Menghafal yang paling utama dari segala mutun[1]*,*
Mengambil ilmu dari yang memanfaatkan dan yang menasihatimu."

Oleh itu, jalan ilmu ditemui pada dua perkara. Barangsiapa yang berpegang kepada keduanya sungguh dia telah mengagungkan ilmu kerana dia telah mencari ilmu itu pada jalan yang memungkinkan dia untuk sampai pada matlamat.

1. Menghafal matan (teks) yang mempunyai pandangan yang paling utama. Menghafal merupakan kewajipan, barangsiapa yang menyangka dia dapat menuntut ilmu tanpa menghafal, ketahuilah bahawa dia sedang mencari sesuatu yang mustahil. Apa yang perlu dihafal adalah teks yang mempunyai kedudukan yang paling utama berdasarkan semakan dari para ahli pada bidang tersebut.
2. Mempelajari teks-teks tersebut dari guru yang memberi manfaat dan memberi nasihat. Carilah guru yang darinya engkau dapat memahami makna dari teks-teks tersebut. Iaitulah guru yang mempunyai dua karakteristik;
    a. Dia memberi manfaat, bermakna dia seorang yang berkelayakan dalam ilmu, semestinyadari kalangan orang yang dikenali sebagai ahli ilmu yang telah menguasai bidang ilmu tersebut. Bukti bagi hal ini adalah apa yang dibawa oleh Abu Daud dalam Sunan-nya dengan sanad yang kuat dari Ibnu 'Abbas -semoga Allah meredai beliau- bahawasanya Nabi -sallallahu 'alayhi wa sallam- bersabda; "***Engkau telah dengar (dariku), dan manusia lain akan dengar darimu, dan orang akan dengar dari mereka yang dengar darimu***." Apa yang diukur adalah keumuman lafaz hadis, bukan kekhususan kepada siapa pesanan tersebut ditujukan. Maka akan sentiasa ada dari kalangan tenaga pengajar pada umat ini, dimana dia belajar kepada orang yang datang sebelumnya.
    b. Bimbingan dan nasihat yang membawa dua makna
        i. Kesalihannya sebagai orang yang diteladani dan petunjuknya boleh diikuti serta diamalkan baik dari segi penampilan, amalan mahupun adabnya.
        ii. Guru tersebut mengetahui selok-belok mengajar, dia mengajar muridnya dengan kemahiran, dan dia mengetahui apa yang mendatangkan manfaat dan apa yang memudaratkan bagi muridnya berdasarkan ilmu yang telah disebut oleh al-Syatibi dalam al-Muwafaqat.

---
[1] Teks

IKATAN KEENAM:
BERWASPADA DALAM MEMPELAJARI PELBAGAI BIDANG ILMU DAN MEMBERI KEUTAMAAN PADA APA YANG LEBIH PENTING

Ibnul Jauzi dalam ‘Said al-Khatir’ berkata;
“*Mengumpulkan banyak ilmu itu terpuji*”

Ambil dari segenap cabang ilmu dan janganlah jahil tentang apa-apa sahaja bidang ilmu. Orang yang bebas sangat mengetahui selok-beloknya.

Guru kepada guru-guru kami, Muhammad bin Mani’ -semoga Allah merahmatinya- berkata dalam ‘Irsyad al-Tullab’;
“Tidak layak bagi seorang penuntut ilmu untuk meninggalkan apa sahaja ilmu yang bermanfaat yang dapat membantunya dalam memahami Kitab (al-Qur’an) dan al-Sunnah, jika dia mengetahui bahawa dia mampu mempelajarinya. Sangat tidak layak baginya untuk mengecilkan bidang ilmu yang dia tidak tahu akannya dan mengecilkan ahli-ahli dalam bidang ilmu tersebut, kerana ini menunjukkan kelemahan dan keburukan. Selayaknya seorang yang bijak pandai itu berkata-kata dengan ilmu atau diam dengan kesabaran. Jika tidak dia akan termasuk dari dendangan syair ini;

“*Aku diberitahu Sahl dikecam kerana kejahilan diri,*
Jahil terhadap Ilmu yang Sahl tidak ketahui,
Ilmu yang jika dimuliakan mustahil dibenci,
Tetapi berasa reda dengan kejahilan itu amat mudah sekali.”

Selesai nukilan dari Syeikh Muhammad bin Mani’.

Berhati-hati dalam menuntut pelbagai cabang ilmu hanya bermanfaat jika ia bersandar pada dua perkara;

1. Dia memulakan pembelajarannya dengan apa yang lebih utama. Ini berdasarkan apa yang diperlukan oleh penuntut ilmu tersebut dalam membantunya beribadah kepada Allah
2. Matlamatnya pada awal pembelajarannya adalah untuk mempelajari teks-teks yang ringkas pada setiap cabang ilmu sehingga dia menamatkannya. Kemudian, dia melihat kepada apa yang sesuai dengan dirinya dari pelbagai cabang ilmu tersebut dan kepada apa yang dirinya paling berkebolehan untuk mempelajarinya, dan dia terus mempelajari bidang tersebut dengan lebih mendalam, sama ada pada satu cabang atau pada pelbagai cabang ilmu yang lain.

Dari beberapa rangkap syair yang masyhur dikalangan orang di Shinqit;

“*Jika engkau ingin mencapai satu cabang ilmu maka selesaikanlah,*
Jauhilah dikau dari cabang yang lain sebelum engkau menamatkannya,
Mengambil dua jenis ilmu serentak telah ditegah,
Jika bayi kembar ingin keluar bersama, pasti mereka tidak keluar selamanya”

Akan tetapi, barangsiapa yang merasakan dirinya mampu untuk menguasai lebih dari satu cabang ilmu pada masa yang sama, teruskanlah, kerana ini boleh jadi pengecualian dalam hal ini.

IKATAN KETUJUH:
MENGAMBIL INISIATIF DALAM MENUNTUT ILMU DENGAN MENGGUNAKAN MASA DAN UMUR YANG MUDA

Ahmad (bin Hanbal) -semoga Allah merahmatinya- berkata;

“*Aku tidak menyamakan usia muda melainkan dengan sesuatu yang berada pada lengan bajuku kemudian ia terjatuh*”

Apatah lagi ilmu yang dituntut pada usia muda itu lebih mudah, cepat dan kuat tersemat dalam ingatan.

Al-Hasan al-Basri -semoga Allah merahmatinya- berkata;
“*Belajar ketika usia muda ibarat memahat pada batu*”

Kekuatan daya ingatan untuk menyimpan ilmu pada usia muda ibarat pahatan pada batu. **Barangsiapa yang menggunakan usia mudanya akan mencapai matlamatnya (meraih ilmu) dan akan disanjung ketika usia tuanya.**

Manfaatkanlah usia mudamu wahai anak muda,
Kelak kau akan bersyukur atas susah payahmu

Tetapi jangan salah faham bahawa orang yang berusia tidak boleh belajar. Bahkan para sahabat Nabi -sallallahu ‘alayhi wa sallam- menuntut ilmu ketika usia lanjut. Seperti yang disebut oleh al-Bukhari -semoga Allah merahmatinya- di dalam ‘Kitab al-Ilm’ dalam Sahih-nya.

Al-Mawardi menyebutkan dalam ‘Adab al-Dunia wa al-Din’;

“*Menuntut ilmu ketika usia lanjut itu menjadi sukar kerana banyaknya urusan, gangguan yang kuat dan ramainya tanggungan.*”

Oleh yang demikian, sesiapa yang mampu untuk melawan semua ini, maka dia akan berjaya dalam meraih ilmu

IKATAN KELAPAN:
KEPERLUAN BERPERINGKAT DALAM MENUNTUT ILMU DAN MENINGGALKAN KEGOPOHAN PADANYA

Sesungguhnya, ilmu itu tidak boleh dicapai sekaligus kerana hati itu lemah dari hal yang demikian. lmu itu berat bebannya, ibarat beratnya batu di tangan orang yang membawanya.

Allah Ta'ala berfirman, mafhumnya;
"*Sesungguhnya kami akan menurunkan kepadamu perkataan yang berat*" (73:5)

Iaitu al-Qur'an.

Sekiranya sifat al-Qur'an itu berat sedangkan iatelah dimudahkan bagi kita, seperti firman Allah Ta'ala, mafhumnya;
"*Dan kami semestinya telah memudahkan Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran*" (54:17)

Maka bagaimana pula dengan ilmu-ilmu selain darinya?

Oleh kerana itu, al-Qur'an diturunkan secara berperingkat, berdasarkan kejadian-kejadian yang berlaku. Allah Ta'ala berfirman, mafhumnya;

"*Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)?" Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu*." (25:32)

Ayat ini adalah bukti dimana seseorang itu mestilah berperingkat dalam menuntut ilmu, maju sedikit demi sedikit dan meninggalkan sifat terburu-buru, seperti yang dikatakan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam 'Al-Faqih wa al-Mutafaqqih' dan al-Raghib al-Asfahani dalam mukadimah 'Jami' al-Tafsir'

Dari bait syair Ibn al-Nahas al-Halabi -semoga Allah merahmatinya;

"Hari ini sebegini dan hari esok sepertinya,
Inilah antara cara ilmu yang terbaik yang dikumpul,
Kebijaksanaan diperoleh darinya,
Dan banjir itu tidaklah melainkan titisan air yang terkumpul"

Apa yang dikehendaki pada perkara "berperingkat dalam menuntut ilmu" dan "maju sedikit demi sedikit" adalah seseorang itu bermula dengan matan ilmu yang kecil dan yang sudah diringkaskan. Menghafal teksnya serta menguasai huraiannya. Menjauhi dari membaca buku yang terlampau panjang yang melangkaui tahap pelajar tersebut.

Barangsiapa yang terdedah kepada menelaah buku yang terlampau besar, sungguh dia bakal menghancurkan agamanya **dan melampaui batas dalam menuntut ilmu akan mengakibatkan pelajar tersebut hilang ilmu yang dicari**. Diantara petikan kata-kata yang berhikmah seperti perkataan Abdul Karim al-Rifa'i - salah seorang ulama Syria dari kurun sebelum ini;

"Makanan orang dewasa adalah racun bagi bayi yang masih menyusu"

IKATAN KESEMBILAN:
BERSABAR DALAM MENUNTUT DAN MENYAMPAIKAN ILMU

Ini adalah kerana tiada urusan yang besar yang dapat dicapai melainkan dengan kesabaran. Dan antara cabaran terbesar dalam cubaan mencapai impian-impian yang tinggi adalah bersabar di atas jalannya. Oleh kerana itu kita telah diperintahkan untuk bersabar dan menempuhnya dengan penuh kesabaran dalam mencapai asas-asas keimanan dan mencapai kesempurnaan iman.

Allah Ta'ala berfirman, mafhumnya;
*"**Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu, dan kuatkanlah kesabaranmu**"* (3:200)

Allah Ta'ala juga berfirman, mafhumnya;
*"**Dan jadikanlah dirimu sentiasa bersabar mendampingi rapat dengan orang-orang yang beribadah kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang yang mengharapkan wajah Allah**"* (18:28)

Yahya bin Kathir berkata pada menjelaskan ayat di atas;
"Ia merujuk kepada majlis fiqh (ilmu)"

Tambahan pula, seseorang itu tidak akan boleh mendapatkan ilmu tanpa kesabaran.

Yahya bin Kathir juga berkata
"Ilmu tidak akan dapat dicapai melalui tubuh yang santai (tanpa bersusah-payah)"

Melalui kesabaran manusia dapat keluar dari jijiknya kejahilan, dan dengan kesabaran manusia dapat mencapai kemanisan ilmu.

Sabar dalam ilmu adalah pada dua jenis
1. Sabar dalam menuntut ilmu, kerana menghafal berhajat kepada kesabaran, pemahaman berhajat kepada kesabaran, pergi ke majlis ilmu berhajat kepada kesabaran dan memenuhi hak-hak guru juga berhajat kepada kesabaran
2. Sabar dalam menyampaikan ilmu kerana duduk mengajar para murid memerlukan kesabaran, memastikan para murid faham memerlukan kesabaran bahkan memaafkan kesilapan-kesilapan para murid juga memerlukan kesabaran.

Bahkan, dalam melaksanakan dua jenis sabar dalam ilmu ini juga perlu kepada keteguhan (kesabaran).

"Semua manusia bercita-cita tinggi,
Tetapi keteguhan diri jarang sekali ditemui"

IKATAN KESEPULUH:
BERPEGANG TEGUH KEPADA ADAB-ADAB BERILMU

Ibn al-Qayyim -semoga Allah merahmatinya- berkata dalam bukunya 'Madarij al-Salikin';
"Adab yang mulia seseorang itu ada kemuncak kebahagiaan dan kejayaan diri, manakala adab yang buruk adalah kemuncak kegusaran dan kegagalan. Ini kerana tidak ada apa yang bakal menjanjikan kebaikan dunia dan akhirat seperti adab yang baik. Adapun kegagalan mencapai kebaikan tidak diperoleh melainkan ia ditemani adab yang buruk"

"Tidak diagungkan seseorang itu jika tiada padanya adab mulia,
Tidak dengan pangkat, tidak juga keturunan yang mulia."

Orang yang layak dihiasi dengan ilmu adalah orang yang baik budi pekertinya (adab) baik pada dirinya sendiri, pada pelajarannya, atau pada gurunya dan juga pada rakan sepengajiannya.

Yusuf bin al-Husain berkata;

"Dengan adab yang baik, ilmu akan difahami"

Ini kerana orang yang beradab dengan adab yang mulia dilihat sebagai orang yang berhak untuk menerima ilmu maka dia pun dianugerahkan dengan ilmu. Bagi yang beradab buruk, maka seharusnya ilmu yang mulia tidak ada pada dirinya.

Oleh sebab itu, para Salaf -semoga Allah merahmati mereka- memberi perhatian kepada adab sebagaimana mereka memberi perhatian kepada menuntut ilmu itu sendiri.

Berkata Ibn Sirin -semoga Allah merahmati beliau;

"Mereka mempelajari adab sebagaimana mereka mempelajari ilmu"

Bahkan ada di kalangan mereka yang mempelajari adab terlebih dahulu sebelum mereka mempelajari ilmu.

Malik bin Anas berkata kepada seorang pemuda Quraysh;
"Wahai anak saudaraku, pelajarilah adab sebelum engkau mempelajari ilmu"

Dahulu mereka benar-benar menzahirkan betapa mereka berhajat kepadanya (adab).

Suatu hari, Makhlad bin Husain berkata kepada Ibnu al-Mubarak;
"Kita lebih memerlukan adab yang banyak berbanding ilmu yang banyak"

Mereka akan saling menasihati tentangnya (adab mulia) dan petunjuk ke arahnya.

Malik berkata;
"Ibuku dahulu mengikat serbanku seraya berkata; ergi kepada Rab'iah (Ibnu Abi Abdir Rahman -faqih penduduk Madinah pada zamannya), dan pelajari adabnya sebelum ilmunya"

Ramainya pelajar hari ini terhindar dari mendapatkan ilmu kerana mengabaikan adab yang mulia.

Al-Layth bin Sa'd pernah melihat ke arah pelajar-pelajar hadis dan ternampak sesuatu yang beliau tidak suka, lantas beliau berkata;
"Apakah ini?! Kalian lebih memerlukan sedikit adab yang mulia dari kalian memerlukan ilmu yang banyak!"

Jadi, apakah yang bakal dikatakan oleh al-Layth jika dia melihat para penuntut ilmu di zaman ini?!

IKATAN KESEBELAS:
MEMELIHARA ILMU DARI APA YANG MENJEJASKAN MARUAH ILMU DAN APA YANG BERTENTANGAN DENGAN KEMULIAAN ILMU

Barangsiapa yang tidak memelihara ilmu, maka dia tidak akan dipelihara oleh ilmu.

Berkata al-Syafi'i;
"Barangsiapa yang merosakkan maruah dirinya dengan mencampuri hal yang merosakkannya, dia telah merendah-rendahkan martabat ilmu, tidak mengagungkannya dan telah jatuh ke dalam kekosongan minda, maka hilanglah darinya sifat-sifat keilmuan"

Wahb bin Munabbih -semoga Allah merahmatinya- berkata;
"Orang yang banyak main-main tidak akan menjadi ahli hikmah"

Berkata datuk kepada Ibn Taymiyyah didalam bukunya 'al-Muharrar', *dan berkata juga cucunya (Ibn Taymiyyah) di dalam 'Fatawa' beliau;*
"Maruah diri seseorang itu kembali kepada menggunakan 'hiasan-hiasan' untuk dirinya dan menjauhi apa yang merosakkannya"

Abu Muhammad Sufyan bin Uyainah pernah ditanya;
Engkau sering beristinbat[2] *dari al-Quran untuk segala sesuatu, jadi dimanakah bukti memelihara maruah diri di dalamnya? Jawab beliau, pada firmanNYA; Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil.* (7:199). *Maruah diri, akhlak mulia dan adab yang baik terangkum di dalam ayat ini"*

Diantara adab yang penting untuk dilazimi seseorang penuntut ilmu itu adalah; memelihara maruah diri dan menjauhi dari apa yang menjatuhkannya. Diantara contoh yang menjatuhkan maruah diri adalah:

1. Mencukur janggut
2. Mata yang sentiasa meliar
3. Meregangkan dan melunjurkan kakinya di khalayak ramai tanpa keperluan
4. Bersahabat dengan pelaku maksiat, orang-orang fasik dan orang yang gemar membuang masa
5. Berkelahi dengan kanak-kanak

---

[2] Mengeluarkan hukum atau keputusan berdasarkan al-Quran atau hadis tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat)

IKATAN KEDUA BELAS:
MEMILIH TEMAN YANG SALIH DALAM MENUNTUT ILMU

Berkawan dan berteman adalah satu keperluan yang telah diterapkan ke dalam fitrah makhluk. Maka seorang penuntut ilmu perlu bersahabat dengan para penuntut ilmu yang lain supaya persahabatan ini bakal membantu dirinya dalam menuntut ilmu dan tekun di atas jalan menuntut ilmu.

Jika persahabatan dalam menuntut ilmu itu sejahtera dan selamat dari bencana, maka ia akan membantu dalam mencapai matlamat.

Seseorang yang ingin mencapai matlamat seharusnya hanya berteman dengan teman yang baik yang bakal membantunya, kerana sesungguhnya seorang teman itu cermin kepada temannya.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi, dari Abu Hurairah -semoga Allah meredai beliau, bahawasanya Nabi -sallallahu 'alayhi wa sallam- bersabda;
"***Seseorang itu berada di atas agama sahabatnya. Maka perhatikanlah siapa yang kalian jadikan sebagai sahabat rapat.***"

Al-Raghib al-Asfahani berkata;
"Seseorang itu bukan sahaja terkesan dengan kelakuan dan percakapan sahabatnya, bahkan dia terkesan dengan hanya melihat kepadanya"

Oleh sebab itu, seseorang itu perlulah memilih sahabat berdasarkan sifat yang mulia, bukan kerana faedah duniawi atau keseronokan, kerana sifat yang mulia, faedah duniawi dan keseronokan adalah antara tiga sebab terjalinnya sebuah persahabatan.

Ini disebut oleh guru kepada guru kami Syeikh Muhammad al-Khidr bin Husain dalam 'Rasa'il al-Islah';
"Ambillah teman dari kalangan orang yang mulia, kerana engkau akan dikenali melalui siapa teman engkau "

Ibn Mani' -semoga Allah merahmatinya- berkata dalam 'Irsyad al-Tullab' ketika menasihati penuntut ilmu;
"Seseorang perlu mengambil langkah berjaga-jaga apabila dia bergaul dengan orang-orang yang jahat, jahil dan ber-reputasi buruk kerana bergaul dengan mereka boleh menjadi penyebab seseorang itu terhalang dari ilmu dan menjadi sengsara"

IKATAN KETIGA BELAS:
BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM MENGHAFAL ILMU, MENGULANGKAJI DAN BERTANYA TENTANGNYA

Hanya mengambil ilmu dari para guru tidak berguna tanpa menghafalnya, mengulangkaji dan bertanya tentangnya. Dan ini adalah sebahagian dari perbuatan mengagungkan ilmu dalam hati seseorang penuntut ilmu kerana dia fokus sepenuhnya dalam menuntut ilmu dan menyibukkan dirinya dengan perkara ini. Maka menghafal adalah berkhalwat dengan diri sendiri, mengulangkaji adalah bersama teman dan bertanya adalah bersama guru.

Para ulama sentiasa menggalakkan hafalan dan memerintahkannya. Aku dengar guruku Shaykh Ibn Uthaimin -semoga Allah merahmatinya- berkata;
"Kami menghafal sedikit dan banyak membaca. Maka kami dapati bahawa apa yang kami hafal itu lebih bermanfaat dari apa yang kami baca"

Dengan ulangkaji, jangka hayat ilmu itu berpanjangan di dalam diri seorang penuntut ilmu, dan keterikatan ilmu dalamnya bertambah. Apa yang dimaksudkan dengan ulangkaji adalah belajar bersama teman-teman pengajian.

Kita diperintah untuk menjaga al-Qur'an dimana ia merupakan satu cabang ilmu yang termudah untuk dihafal.

Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari Ibn 'Umar -semoga Allah meredai beliau- bahawasanya Nabi -sallallahu 'alayhi wa sallam- bersabda;
*"**Perumpamaan seseorang yang mengetahui Al-Quran dengan hati adalah umpama pemilik unta yang terikat. Jika dia tetap waspada dan menjaganya, unta itu akan tetap bersamanya; dan jika dia mengabaikannya, unta itu akan lari.**"*

Ibn Abdil Barr -semoga Allah merahmatinya- di dalam bukunya 'al-Tamhid' berkata tentang hadis ini;
"Jika al-Qur'an yang telah dimudahkan untuk dihafal adalah seperti unta yang diikat, dimana jika sesiapa menjaganya akan tetap bersamanya, apatah lagi cabang ilmu yang lain?"

Bertanya mengenai ilmu membuka segala harta dalamnya, manakala adab dalam bertanya adalah sebahagian dari ilmu. Soalan-soalan yang dibukukan seperti Masa'il Ahmad yang diriwayatkan darinya adalah bukti yang jelas betapa bermanfaatnya bertanya (dalam menuntut ilmu).

Tiga perkara ini dalam menuntut ilmu adalah ibarat menanam pokok, menyiramnya dengan air, menjaganya dengan apa yang memberikan kekuatan dan menjauhkannya dari perosak. **Menghafal ibarat menanam benih ilmu, mengulangkaji ibarat menyiramnya dan bertanya ibarat menjaganya.**

IKATAN KEEMPAT BELAS:
MEMULIAKAN AHLI ILMU DAN MENGHORMATI MEREKA

Sesungguhnya keutamaan para ulama adalah sangat agung dan kedudukan mereka sangat mulia kerana mereka umpama “Bapa Kerohanian” kita. Para ulama adalah “Bapa Kerohanian” sebagaimana bapa kandung merupakan “Bapa kepada jasad” kita., Oleh yang demikian mengiktiraf dan mengakui kebaikan dan kemuliaan para guru adalah satu kewajipan.

Syu’bah bin al-Hajjaj berkata;
“Aku adalah hamba kepada sesiapa sahaja yang darinya aku mendengar hadis-hadis”

Tafsiran ini diambil dari al-Qur’an oleh Muhammad Bin Ali al-Udfuwi -semoga Allah merahmati beliau- kata beliau;
“Apabila seseorang itu mengambil ilmu dari seorang ulama dan mengambil manfaat darinya, dia menjadi seperti seorang hamba kepada ulama tersebut. Allah Ta’ala berfirman; “Dan apabila Musa berkata kepada hambanya..” (18:60). Hamba yang dimaksudkan di sini adalah Yusha’ bin Nun. Hakikatnya dia bukanlah hamba kepada Nabi Musa, tetapi dia merupakan murid dan pengikutnya. Namun tetap Allah memanggilnya sebagai hamba kerana hal tersebut.

Syariat telah memerintahkan kita untuk memenuhi hak para ulama sebagai bentuk penghormatan dan pemuliaan kita terhadap mereka.

Ahmad meriwayatkan dalam ‘al-Musnad’ dari Ubadah bin al-Samit -semoga Allah meredai beliau- bahawa Nabi -sallallahu ‘alayhi wa sallam- bersabda;
“Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak menghormati orang-orang tua, tidak menyayangi orang-orang muda dan tidak mengetahui haknya para ulama”

Ibn Hazm telah menukilkan ijmak (kesepakatan para ulama) bahawa para ulama itu patut dihormati dan dimuliakan.

Antara adab yang wajib ada pada seorang penuntut ilmu terhadap gurunya yang termasuk antara dasar memuliakan ulama adalah;

1. Merendah diri dihadapan gurunya
2. Memberi perhatian penuh dihadapannya
3. Tidak menunjukkan sikap acuh tidak acuh kepadanya
4. Memperhatikan adab-adab apabila bertutur dengannya
5. Memuliakan guru apabila sedang bercakap tentangnya tanpa melampaui batas dalam pujian, tetapi meletakkannya di martabat yang sesuai baginya, khuatir terhina gurunya disebalik cubaan untuk memujinya
6. Berterima kasih kepadanya atas apa yang telah diajar olehnya
7. Mendoakannya
8. Tidak menunjukkan ketidakperluan kita terhadapnya
9. Tidak menganiayanya dari kelakuan dan percakapan kita
10. Bersikap lembut ketikamana mengingatkan kesalahannya, jika memang terdapat kesalahan darinya.

Dikesempatan ini merupakan tempat yang sesuai untuk menyimpulkan kewajipan yang perlu diketahui apabila berhadapan dengan kesilapan yang dilakukan oleh seorang alim Maka ada 6 perkara;

1. Memastikan bahawa memang dia yang telah melakukan satu kesilapan
2. Memastikan bahawa kesilapan itu memang satu kesilapan. Ini dapat dipastikan oleh seorang ulama yang mendalam ilmunya, kerana hanya mereka yang patut dirujuk dalam hal ini
3. Tidak mengikuti kesilapan ulama tersebut
4. Mencari uzur yang sesuai buat ulama tersebut dengan memberi takwil yang luas

5. Menasihatinya dengan lemah-lembut dan tersembunyi, bukan dengan kasar dan terang-terangan
6. Memelihara statusnya supaya maruahnya tidak tergadai pada hati-hati orang-orang Islam

Diantara perkara yang patut diberi amaran dalam bab menghormati para ulama adalah perkara-perkara yang pada zahirnya seolah-olah dilakukan kerana hormat, tetapi sebaliknya ia memalukan dan menunjukkan kurangnya hormat seperti mengerumuni ulama tersebut, menyesakkan jalannya dan oleh yang demikian menyebabkan dia perlu mengambil jalan lain.

IKATAN KELIMA BELAS:
MERUJUK MASALAH-MASALAH YANG RUMIT KEPADA MEREKA YANG LAYAK DIRUJUK

Seseorang yang mengagungkan ilmu sentiasa merujuk kepada ulama yang ahli untuk menyelesaikan masalah-masalah yang rumit. Tambahan lagi, seseorang itu tidak patut melibatkan dirinya dalam hal yang dia tidak layak kerana dia patut takut mengatakan sesuatu tentang Allah tanpa ilmu, dan mencipta satu penipuan dalam agama. Ini kerana dia takut akan kemarahan al-Rahman melebihi takutnya terhadap hukuman seorang pemerintah.

Sesungguhnya, para ulama telah berbicara berdasarkan ilmu dan kerana pandangan penuh hikmah juga mereka diam. Justeru itu, apabila para ulama mengatakan sesuatu dalam satu masalah yang rumit, maka kita katakanlah apa yang mereka katakan, dan apabila mereka diam dari masalah tersebut, maka bersikap terbukalah sepertimana mereka juga telah bersikap terbuka (dalam masalah tersebut)

Dan di antara masalah yang rumit adalah fitnah-fitnah yang sedang berlaku, dan perkara-perkara baru yang semakin banyak seiring dengan masa yang berlalu.

Hanya mereka yang kembalikan hal-hal ini kepada ulama dan berpegang erat dengan apa yang mereka katakan yang terselamat dari kancah fitnah dan api kekacauan. Jika apa yang dikatakan oleh para ulama itu samar, maka mereka bersangka baik terhadap ulama tersebut. Maka dia membuang pendapatnya dan mengambil pendapat mereka. Pengalaman, keahlian dan kedudukan mereka membuatkan pendapat mereka lebih berhak untuk dipegang. . pabila ada perbezaan pendapat di antara ulama, maka berpeganglah pada pandangan majoriti di kalangan ulama, mengambil jalan yang selamat **kerana tidak ada sesuatu yang dapat dibandingkan dengan kekal pada jalan yang selamat.**

Betapa indahnya kata-kata Ibn Asim dalam 'Murtaqa al-Wusul';
"Adalah sangat mustahak jika ada masalah dalam kefahaman ilmu,
Kita bersangka baik terhadap para ahli ilmu"'

Diantara salah satu masalah yang rumit adalah bantahan terhadap kesilapan-kesilapan para ulama dan kenyataan sesat ahli bid'ah. Hanya ulama yang mendalam ilmunya yang layak berkata-kata dalam hal ini. Seperti yang telah dijelaskan oleh al-Syatibi dalam 'al-Muwafaqat' dan Ibn Rajab dalam 'Jami al-Ulum wa al-Hikam'.

Oleh sebab itu, jalan yang selamat adalah isu-isu ini dikembalikan kepada ulama yang ahli dalam hal tersebut dan berpegang kepada fatwa mereka dalam hal ini.

IKATAN KEENAM BELAS:
MEMULIAKAN MAJLIS ILMU DAN MENGHORMATI TEMPAT BERLANGSUNGNYA MAJLIS ILMU

Sesungguhnya majlis para ulama umpama majlis para Nabi.

Sahl bin Abdillah berkata;
“Barangsiapa yang ingin menyaksikan majlis para Nabi, maka lihatlah mereka kepada majlis para ulama. Seorang lelaki datang dan bertanya, “Apakah hukum orang yang bersumpah kepada isterinya sekian dan sekian?” Sang ulama pun menjawab, ”Jatuh talak”. Datang pula lelaki yang lain lalu bertanya dengan soalan yang sama. Maka kali ini sang ulama memberi jawapan, “Tidak jatuh talak”. Tidak ada yang seperti ini kecuali para nabi atau seorang yang alim. Maka ketahuilah perkara tersebut.

Menjadi tanggungjawab atas penuntut ilmu untuk mengetahui hak-hak majlis ilmu agar apabila dia duduk di dalamnya maka dia akan duduk dengan penuh adab dan memberi perhatian kepada guru dengan melihat ke arahnya. Tidak memalingkan wajah darinya tanpa sebab. Dia tidak patut terganggu oleh bunyi-bunyi yang didengarinya atau bermain-main dengan tangan atau kakinya atau bersandar di hadapan gurunya ataupun lentok diatas tangannya sendiri. Dia juga patut menahan diri dari berdaham[3] dan terlalu banyak membuat pergerakan. Dia juga tidak patut berbual-bual dengan orang sebelahnya dan apabila dia bersin hendaklah dia memperlahankan bunyi bersinnya. Apabila dia menguap hendaklah dia menutup mulutnya dan menahannya sebaik mungkin.

Termasuk dalam perbuatan memuliakan majlis ilmu adalah memelihara kemuliaan tempat-tempatnya dan yang paling penting (untuk dipelihara kemuliaannya) adalah kitab-kitab.. Maka selayaknya bagi penuntut ilmu untuk menjaga kemuliaan kitabnya memperhatikannya. Jangan dia menganggapnya seperti sebuah kotak yang digunakan untuk menyimpan barang atasnya. Jangan dia menggulungnya untuk dijadikan corong suara.Apabila dia hendak meletakkan kitabnya, maka letak lah dengan penuh kesopanan dan cermat

Pada suatu hari, Ishaq bin Rahuyah melempar buku yang berada di dalam tangannya. Maka Abu Abdillah Ahmad bin Hanbal melihat perkara ini dan berasa amat marah lantas berkata;
“Adakah ini layanan yang selayaknya terhadap kenyataan-kenyataan para ulama?”
Jangan seseorang itu bersandar di atas kitabnya, atau menempatkannya di kakinya. Apabila dia membaca kitabnya di hadapan gurunya, hendaklah dia mengangkat buku tersebut dari lantai dan memegangnya.

---

[3] Berbatuk kecil yakni mengeluarkan bunyi hem, hem (Kamus Dewan Edisi Keempat)

IKATAN KETUJUH BELAS:
MEMPERTAHANKAN DAN MELINDUNGI ILMU

Sesungguhnya ilmu itu memiliki kemuliaan yang mesti dipelihara apabila ia bertemu dengan perkara yang tidak layak baginya.

Mempertahankan ilmu telah dimanifestasi oleh para Ulama dengan pelbagai cara. Antaranya;

1. Bantahan terhadap para penyelisih. , Maka barangsiapa yang menyelisihi syariat dibantah (pelakunya) tanpa mengira siapapun orang yang melakukannya. (Matlamat bantahan) adalah sebagai bentuk penjagaan terhadap agama serta sebagai satu bentuk nasihat kepada kaum muslimin.
2. Diantaranya juga adalah memboikot ahli bidaah. Abu Ya'la al-Farra' menyatakan ijma' (kesepakatan para ulama') tentang hal ini. Oleh kerana itu, ilmu tidak patut diambil dari ahli bidaah. Walaubagaimanapun, jika ada keperluan maka ini tidak mengapa, sepertimana yang ditemui dalam riwayat-riwayat ulama hadis berkenaan hal ini.
3. Diantaranya juga adalah menegur atau memperingatkan penuntut ilmu yang melampaui batas dalam pembahasannya , atau terzahir padanya sikap yang kurang baik atau buruk adabnya.
4. Apabila seorang guru merasa perlu untuk membuang seorang murid dari majlis ilmunya sebagai bentuk pengajaran buat sang murid maka lakukanlah sebagaimana yang dilakukan oleh Syu'bah -semoga Allah merahmatinya- kepada Affan Bin Muslim dalam majlis ilmunya.
5. Para penuntut ilmu juga boleh ditegur oleh gurunya apabila dia tidak memberi tumpuan di dalam kelas atau tidak menjawab soalannya (si murid). Kerana sikap diam merupakan sebuah jawapan untuknya seperti yang dikatakan oleh al-A'masy.

Sungguh kami telah melihat banyak dari perkara ini pada guru-guru kami. Diantara mereka adalah al-'Allamah Bin Baz -semoga Allah merahmatinya. Kadangkala apabila ditanya soalan yang tidak membawa manfaat kepada penanya, maka Syeikh akan berdiam diri (tidak menjawab) dan menyuruh sang qari'[4] untuk teruskan membaca ataupun Syeikh akan menjawab dengan jawapan yang lain dari apa yang dimaksudkan oleh penanya.

[4] Tukang baca dalam sesebuah majlis ilmu, samada membaca matan (teks pengajian) ataupun membaca soalan ketika sesi soal jawab. Ini merupakan adat turun temurun yang biasa dilakukan oleh para sarjana Islam di dalam majlis ilmu mereka.

IKATAN KELAPAN BELAS:
CERMAT DALAM BERTANYA SOALAN KEPADA ULAMA

(Cermat dalam menanyakan soalan kepada ulama) adalah antara kaedah yang menjauhkan diri dari soalan-soalan yang pelik dan memelihara kemuliaan ulama. Ini kerana sebahagian soalan diajukan dengan tujuan membuat kacau, menimbulkan fitnah dan menyebar kejahatan. Sesiapa sahaja yang meneliti bagaimana para ulama kita berhadapan dengan soalan-soalan seperti ini, maka dia akan dapati bahawa mereka (para ulama) tidak menyukainya, sebagaimana telah berlalu perbahasan tentang menasihati atau menegur murid. Jadi seseorang itu hendaklah berhati-hati dalam bertanyakan sesuatu kepada para ulama dan tiada yang akan berjaya melainkan mereka yang mengikuti 4 prinsip yang berikut;

1. Dia berfikir sejenak berkenaan soalan yang ingin ditanya. Mengapa dia ingin menanyakan soalan tersebut. Matlamat dari sebuah soalan itu mestilah untuk belajar, bukan untuk mengganggu atau mengejek kerana sesiapa yang berniat jahat dalam soalannya akan terhalang dari menerima berkat ilmu dan terhalang dari manfaat-manfaatnya.
2. Memberi perhatian kepada apa yang ingin ditanya. Jangan bertanya tentang hal yang tidak membawa manfaat, sama ada ia tidak membawa manfaat pada dirimu sendiri atau soalan itu sendiri tidak bermanfaat. Misalnya bertanyakan tentang sesuatu yang belum berlaku atau hal-hal yang tak patut diwar-warkan dan yang hanya dimaksudkan kepada sebahagian orang sahaja.
3. Memperhatikan keadaan guru tersebut jika dia mampu untuk menjawab soalan tersebut. Maka janganlah bertanya kepada gurunya semasa dia dalam keadaan risau, sedang sibuk berfikir, sedang berjalan atau sedang memandu kenderaan. Sebaliknya, para murid perlulah memilih waktu yang sesuai untuk bertanyakan soalan.
4. Memberi perhatian tentang bagaimana adabnya dalam bertanyakan soalan. Susun soalan dengan penuh beradab, mulakan soalan dengan doa buat guru tersebut, menghormatinya ketika memanggilnya dan tidak memanggilnya seperti dia memanggil orang-orang di pasar atau orang biasa.

IKATAN KESEMBILAN BELAS:
GHAIRAH TERHADAP ILMU DAN MENCINTAINYA SEPENUH JIWA

Sesungguhnya menuntut ilmu patut membuahkan cinta terhadap ilmu dan menyebabkan hati terasa semangat untuk terikat dengannya (ilmu). Apatah lagi seseorang itu tidak akan mencapai martabat keilmuan sehingga kelazatan yang paling nikmat dirasainya dalam (menuntut ilmu).

Nikmat ilmu diperolehi apabila tiga perkara hadir dalam diri seseorang itu. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Abu Abdillah Ibn al-Qayyim -semoga Allah merahmatinya;

1. Menggunakan sepenuh usaha untuk mencari ilmu.
2. Jujur dalam mencarinya
3. Memperbetulkan niat dan ikhlas

Tiga perkara ini tidak dapat dicapai kecuali mengeluarkan dari hatinya perkara-perkara yang melalaikannya

Sesungguhnya, kemanisan ilmu itu lebih dari kemanisan yang dirasai dalam memperolehi pucuk kepimpinan dan kuasa yang dicari-cari oleh banyak manusia, di mana kerananya (kepimpinan dan kuasa) banyak harta dibelanjakan dan banyak nyawa telah tergadai.

Oleh kerana hal inilah para raja dahulukala berangan-angan ingin merasakan kemanisan ilmu, timbul perasaan ingin tahu terhadapnya dan berusaha untuk mendapatkannya.
Pernah dikatakan kepada Abu Ja'far al-Mansur - Khalifah Abbasiyyah yang masyhur dimana kerajaannya itu memenuhi Timur dan Barat;
"Adakah lagi nikmat dunia yang tidak dirasai lagi olehmu?"

Sambil duduk di singgasananya, dia berkata;
"Ada satu lagi yang tinggal iaitu aku duduk dikelilingi oleh para pelajar hadis (penuntut ilmu) kemudian seorang pembaca riwayat[5] *bertanya kepadaku:; Siapa yang engkau sebut tadi -semoga Allah merahmatimu?"*

Yakni dia (Khalifah) akan menjawab;
"Kami telah mendengar (riwayat) dari fulan, (Fulan tersebut) berkata: Kami telah mendengarkan (riwayat) dari fulan sehingga tersambunglah sanad periwayatannya.
Apabila hati itu dipenuhi dengan nikmat ilmu, segala nikmat yang lain akan hilang dan jiwa tidak lagi memberi perhatian kepada nikmat-nikmat yang lain. Sebaliknya, oleh kerana nikmat ini, segala duka dan lara menjadi nikmat.

---

[5] Pembaca riwayat adalah orang yang menyampaikan hadis apabila majlis ilmu itu terlalu ramai dan kemungkinan ada yang tidak dapat mendengar apa yang dikatakan oleh Shaykh, maka dia akan siap sediakan semua untuk dengar kemudian dia akan berkata kepada Shaykh, "Siapa yang kau sebut tadi, -semoga Allah merahmatimu?". Kemudian Shaykh akan mula membaca hadis.

IKATAN KEDUA PULUH:
MENJAGA WAKTU DALAM MENUNTUT ILMU

Ibn al-Jauzi -semoga Allah merahmatinya- berkata dalam kitabnya 'Said al-Khatir';
"Adalah sangat penting bagi orang untuk mengetahui kemuliaan dan nilai waktu supaya dia tidak membuang masanya walau sesaat melainkan dengan melakukan perkara-perkara yang mendekatkan dirinya dengan Allah. Dia menggunakan masanya untuk perkara-perkara yang baik melebihi perkara yang kurang baik dalam percakapan dan amalan."

Oleh sebab itu, para ulama sangat menjaga waktu mereka, sehinggakan Muhammad Bin Abdul Baqi al-Bazzaz berkata;
"Aku tidak pernah membazirkan masaku dengan perkara yang sia sia dan sekadar bermain-main"

Dan Abu al-Wafa bin Aqil, penulis buku 'al-Funun' yang mencecah 800 jilid berkata;
"Tidak halal bagiku untuk membazir waktu walau sedetik dari hidupku"

Sebahagian daripada mereka mencapai tahap sehinggakan waktu makan mereka sekalipun ada orang membacakan sesuatu kepada mereka. Sebahagian yang lain pula sehingga ada yang membacakan kepada mereka semasa mereka di dalam bilik air.

Jadi jagalah waktumu wahai penuntut ilmu; Menteri yang soleh, Ibn Hubairah sangat tegas apabila dia menyampaikan nasihat ini kepada kamu;
"Masa adalah perkara yang paling penting untuk kau jaga,
Akan tetapi aku lihat perkara yang paling mudah kau buang adalah masa."